

## **Akta Pusaka Kecil**

### **Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955**

Akta Harta Pusaka Kecil (pembahagian)1955 (dulunya Ordinan Pembahagian Pusaka Kecil 1955) merupakan undang-undang utama yang dipakai dalam pengurusan pusaka kecil. Sejak diterima pakai sehingga sekarang, beberapa semakan dan pindaan telah dibuat.

Secara keseluruhannya akta ini menerangkan takrif pusaka kecil disamping menjelaskan bidang kuasa, proses kerja yang bermula dari permohonan pusaka, perbicaraan, pengeluaran perintah hingga proses rayuan ke mahkamah tinggi. Disamping akta, terdapat peraturan pembahagian pusaka yang menggariskan tatacara pelaksanaan dan pemakaian borang-borang dalam urusan penyelesaian pusaka kecil.

Dalam menentukan pembahagian, Hukum Faraid dipakai bagi harta pusaka orang-orang Islam, manakala Akta Pembahagian 1958 dipakai bagi kematian bukan Islam. Asas hukum Faraid adalah berdasarkan Al-Quran dan Hadith, diantaranya ayat 11,12 dan 176 dari surah An Nisa.